

Ada amanah besar di sebalik kenaikan gred penjawat awam



Dekan Pusat Pengajian Kerajaan Universiti Utara Malaysia

Oleh Prof Dr Halimah Abdul Manaf
bhrencana@bh.com.my

Pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Mac 2026 mengenai kenaikan gred penjawat awam daripada Gred 1 ke Gred 5 membabitkan 125,000 orang menjadi sejarah dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

Ini menjadi khabar gembira dan membuka mobiliti kerjaya lebih baik kepada 8.4 peratus daripada keseluruhan 1.5 juta penjawat awam yang menjadi tulang belakang kepada operasi sesebuah agensi kerajaan.

Peluang kenaikan gred jawatan ini amana diharapkan rakyat memudahkan urusan mereka. Persoalannya, adakah rakyat akan menikmati perkhidmatan awam berkualiti tinggi menjelang Januari 2027.

Melihat kepada jangkaan tinggi kumpulan pelaksana ini, kerajaan meletakkan syarat penjawat awam perlu mengikuti kursus tertentu bagi memastikan kemahiran mengurus pelbagai kerja atau kemahiran dapat dilaksanakan dalam persekitaran beban kerja moden masa kini dan akan datang.

Bermula dengan pengumuman fasa pertama pada Ogos 2024, Perdana Menteri memperincikan sistem gred baharu di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang menjadi petunjuk reformasi perkhidmatan awam terbesar sebagai langkah strategik memodenkan birokrasi di Malaysia.

Ini diikuti dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 menghuraikan indeks pemindahan gred jawatan daripada Sistem Saraan Malaysia (SSM) kepada SSPA. Terkini, diikuti pengumuman laluan kenaikan Gred 1 ke Gred 5 sebagai usaha kerajaan membantu penjawat awam kumpulan pelaksana berhadapan kenaikan kos sara hidup.

Usaha kerajaan ini bagi mewujudkan keadilan sosial kepada kumpulan pelaksana untuk mendapatkan gaji mampu menampung kos sara hidup terutama bagi mereka bekerja dan tinggal di kawasan bandar.

Penawaran kenaikan dari Gred 1 hingga ke Gred 5 bukan sekadar tawaran ganjaran kewangan semata-mata, ia penanda aras diletakkan kerajaan melahirkan penjawat awam kompetensi dan produktiviti berimpak tinggi meliputi semua gred jawatan bermula paling rendah hingga ke paling tinggi.

Terdapat komponen penting dapat difahami mengenai kenaikan gred ini. Pertama, berasaskan prestasi dan bukan lagi berasaskan tempoh khidmat atau kekananan.

Pertimbangan kenaikan gred akan dibuat kepada penjawat awam menunjukkan produktiviti dan kompetensi kerja tinggi bagi melayakkan mereka mengikuti laluan pembangunan kerjaya pantas.

Kenaikan ini juga membolehkan penjawat awam menikmati pendapatan boleh guna lebih tinggi dan mengelak desakan kewangan akhirnya membuka peluang kepada anasir negatif lain seperti terbabat dengan gejala rasuah dan salah guna kedudukan.

Bersesuaian dengan fungsi dan tanggungjawab kerajaan lebih luas pada masa kini, penjawat awam perlu mampu mengendalikannya pelbagai tugas harian. Ini memerlukan penjawat awam lebih dinamik dan mempunyai pelbagai kemahiran dalam suasana kerja pasca pandemik.

Misalnya, pembantu operasi bukan hanya terbabat dengan kerja menaip, tetapi mampu menggunakan aplikasi digital. Dalam konteks ini, penjawat awam perlu berubah daripada pelaksana arahan kepada penyelesaian masalah.

“Kenaikan ini juga membolehkan penjawat awam menikmati pendapatan boleh guna lebih tinggi dan mengelak desakan kewangan akhirnya membuka peluang kepada anasir negatif lain seperti terbabat dengan gejala rasuah dan salah guna kedudukan”

Staf sokongan perlu mampu menjalankan pelbagai kerja harian dengan memanfaatkan platform digital seperti sistem elektronik pembelajaran sektor awam (EPSA) bagi mengelakkan kebergantungan kepada unit tertentu.

Seterusnya, aspek paling penting adalah tahap perkhidmatan diberikan kepada rakyat sebagai pembayar cukai. Tahap perkhidmatan dapat diukur dengan berapa banyak masalah atau aduan rakyat diselesaikan dalam tempoh ditetapkan.

Kecekapan perkhidmatan sama ada di kaunter atau maklum balas segera kepada permintaan rakyat menjadi petunjuk penilaian terhadap impak kenaikan gaji diberikan kerajaan.

Peningkatan kualiti hidup penjawat awam

Lonjakan gred jawatan penjawat awam ini juga manifestasi diletakkan dalam ekonomi MADANI bagi memperkasa rakyat melalui pelaburan strategik bakat dan kompetensi ke arah peningkatan

kualiti hidup penjawat awam.

Ekonomi MADANI yang diperkenalkan pada Julai 2023 menjadi payung kepada semua reformasi termasuk SSPA membolehkan penetapan paras lantai gaji bermaruah kepada semua rakyat termasuk penjawat awam.

Peningkatan gred jawatan penjawat awam ini inisiatif penting menyumbang peningkatan Indeks Kompetensi Perkhidmatan Awam Global. Kumpulan pelaksana dari Gred 1 ke Gred 5 merangkumi pembantu tadbir, pekeranian dan kewangan adalah blok terbesar menentukan tahap perkhidmatan kerajaan di peringkat nasional dan global.

Pada peringkat nasional, kenaikan gred jawatan satu pelaburan strategik kerajaan bagi memastikan bakat dan kompetensi penjawat awam kekal relevan dengan perkhidmatan dan jangkaan rakyat serta membolehkan peningkatan pendapatan selari dengan ekonomi semasa.

Pada peringkat global, ia menjadi petunjuk kepada Indeks Kompetensi Perkhidmatan Awam melalui penilaian Indeks Keberkesanan Kerajaan (GEI) dan Indeks Daya Saing Global (GCI) yang diganti dengan Penarafan Daya Saing Sedunia (WCR).

Pada 2025, kedudukan Malaysia dalam World Competitiveness Ranking berada pada tangga ke-23 daripada 69 negara dinilai dengan cabaran kepada skor kecekapan kerajaan yang memerlukan penambahbaikan dari aspek perundangan dan keterangkuman sosial.

Justeru, peningkatan kompetensi penjawat awam dapat meningkatkan kecekapan operasi kerja serta melonjakkan skor kecekapan kerajaan.

Akhirnya, biarlah kenaikan gred ini menjadi amana kepada pemacu perubahan budaya kerja berinovasi, berintegriti dan penyelesaian masalah rakyat.

Dengan peningkatan Gred 5 pada Januari 2027 ia diharapkan dapat meningkatkan kompetensi dan kedudukan perkhidmatan awam dalam ranking indeks global dengan nilai ihsan dalam urusan kerja ke arah menjadikan Malaysia negara maju.

